



Headline: Pesara kerajaan rugi RM532,800 ditipu 'Mastura' pekerja 'LHDN'
Publication/Portal: Kosmo
Date: 26 February 2022

Language: Malay

Section: Negara
Page: 9

Pesara kerajaan rugi RM532,800 ditipu 'Mastura' pekerja 'LHDN'

KUALA TERENGGANU – Seorang pesara kerajaan kerugian lebih RM500,000 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket ala Macau Scam pada Oktober tahun lalu.

Mangsa yang bukan sahaja sanggup mengeluarkan wang simpanan malah menggadaikan semua barangan kemas isterinya kerana mempercayai anggota sindiket itu dan hanya menyedari tertipu pada Selasa lalu.


Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Terengganu, Superintendan M. Zambri Mahmud berkata, mangsa berusia 65 tahun mendakwa telah dihubungi seorang wanita yang mengenalkan diri sebagai 'Mastura' pada Oktober tahun lalu.

"Wanita itu mengaku kononnya dia pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebelum mendakwa mangsa terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram.

"Mangsa panik dan ketakutan apabila dimaklumkan suspek bahawa dia kini dalam pemerhatian LHDN," katanya ketika dihubungi semalam.

Zambri berkata, 'Mastura' kemudiannya mengarahkan pesara kerajaan terbabit membuka akaun bank baharu.

Tambah beliau, suspek juga



SEORANG pesara telah mengeluarkan wang simpanan dan gadai barang kemas isteri takut terlibat dalam kes pengubahan wang haram.

meminta lelaki itu memaklumkan butiran peribadi dan akaun bank baharu itu kepadanya.

"Mangsa yang panik telah mengeluarkan semua wang simpanan dan menggadai barangan kemas milik isterinya bernilai keseluruhan RM532,800 sebelum dimasukkan ke dalam akaun bank yang baru dibuka itu.

"Dia kemudiannya akur memberikan butiran peribadi dan akaun bank berkenaan seperti diarah tanpa mengesyaki apa-apa," katanya.

Zambri berkata, pesara kera-

jaan tersebut hanya menyedari telah ditipu selepas kesemua wang di dalam akaun bank baru itu telah habis dikeluarkan tanpa pengetahuannya baru-baru ini.

Tambah beliau, cubaan mangsa untuk menghubungi semula 'Mastura' bagi memohon penjelasan juga gagal.

"Dia kemudiannya membuat laporan polis berhubung penipuan tersebut di Balai Polis Kuala Terengganu di sini pada Selasa lalu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.